

MESYUARAT AGUNG PERSATUAN ALUMNI KALI KE-2

Oleh : Sayang Nurshahrizleen Ramlan

Unit Alumni, Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni & Alumni (JHEPA) dengan kerjasama Persatuan Alumni UniMAP mengadakan Mesyuarat Agung Persatuan Alumni Kali Ke-2 pada 15 Ogos yang lalu bertempat di Dewan Capitol UniMAP, Kangar.

Tujuan utama mesyuarat diadakan untuk merapatkan jurang antara ahli Alumni dengan pihak pentadbiran universiti supaya dapat memantapkan aktiviti-aktiviti Alumni untuk kebajikan pelajar dan pembangunan universiti. Disamping itu juga bertujuan untuk menjana idea-idea bagi melaksanakan aktiviti-aktiviti Alumni sepanjang tahun 2009. Pelbagai idea telah disumbangkan diantaranya :

- Memperkuuhkan rangkaian alumni UniMAP dengan menggunakan medium teknologi komunikasi dan maklumat seperti:
 - Sistem Pesanan Ringkas (SMS) berkumpulan berdaftar,
 - Forum 'web based' berinteraktif atau 'blog' yang mempunyai pautan (link) pada portal alumni atau portal UniMAP, dan
 - Mendaftar emel berkumpulan (contohnya : yahoogroups)
- Mewujudkan satu badan koperasi bagi menggalakkan perniagaan sendiri ahli alumni.
- Menambahbaik portal alumni supaya lebih menarik perhatian dan berinfomasi (contohnya : Direktori Alumni untuk capaian semua ahli alumni).
- Edaran cenderahati 'edisi khas' kepada setiap alumni baru (graduan).

Saudara Emi Ezhanizam Azmi (Alumni 2006) telah turut hadir memberikan ucapan ringkas mewakilkan Presiden Pertama Persatuan Alumni iaitu Saudara Mohd. Khidir Musa yang sedang melanjutkan pengajiannya ke luar negara. Beliau juga telah membentangkan status kewangan dan perincian tabung persatuan alumni semasa. Mesyuarat itu turut mengadakan perlantikan baru bagi empat jawatan kuasa tertinggi (EXCO) musim baru. Perlantikan Saudara Sarudin Rohseli sebagai Presiden baru untuk menyambung tampuk pimpinan persatuan ini telah dipersetujui semua diikuti dengan Saudara Bulyami Md. Saad (Naib Presiden), Saudari Nurul Syahrina Mohd Shahar (Setiausaha) dan Saudara Muhammad Ezanuddin Abdul Aziz (Bendahari).